# PERUBAHAN MEMBERI KESAN KEPADA ALAM SEKITAR

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

☐ **1. Daftar Undang-Undang dan Keperluan lain** ☐ **2. Aspek Impak** ☑ √ **3. Lain-lain**

| Bil | Perubahan yang Telah Dibuat | Kesan | Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan) | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Telah Dilaksanakan | Sedang Dilaksanakan | |
| 1. | Program Hari Tanpa Bermotor UPM **(Pejabat TNC HEPA)** | Memberi kesedaran kepada pelajar dan juga warga UPM mengenai kepentingan pelaksanaan *green agenda* di UPM serta menyokong agenda Kampus Hijau. | √ | | a. Pelancaran pada 4 April 2015.<br>b. Memperkenalkan laluan berbasikal, laluan pejalan kaki berbumbung serta penggunaan bas dalam kampus menggunakan gas.<br>c. Dilaksanakan pada setiap hari Sabtu mulai jam 7 pagi hingga 10 pagi.<br>d. Program fasa pertama melibatkan kawasan di sekitar kolej-kolej kediaman lembah iaitu Kolej Kedua; Kolej Tun Dr. Ismail; Kolej Canselor; Kolej Kelima; Kolej Keenam; Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah; Kolej Tun Perak dan Kolej Pendeta Za'ba. |

| Bil | Perubahan yang Telah Dibuat | Kesan | Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan) | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Telah Dilaksanakan | Sedang Dilaksanakan | |
| 2. | Penarafan UI-Greenmetric World University Ranking melalui penyediaan pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan **(Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi)** | Membuktikan komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar yang memberi kesan kepada pencapaian penarafan iaitu berada pada kedudukan ke-41 terbaik di dunia berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar. (19 Januari 2015) dan universiti ke-3 terbaik di rantau Asia Tenggara dan ke-4 terbaik Asia dalam kajian penandaarasan kelestarian antarabangsa. | √ | | 40 indikator yang meliputi 6 skop utama, iaitu infrastruktur (15%), tenaga dan perubahan cuaca (21%), sisa buangan (18%), air (10%), pengangkutan (18%) dan pendidikan (18%) dalam penarafan kelestarian alam sekitar. |
| 3. | Melaksanakan Program Penanaman Pokok 2015 di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong. **(Pejabat TNC HEPA)** | Melahirkan generasi yang peka kepada alam sekitar dan memupuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswa generasi Y. | √ | | Program dianjurkan oleh Sekretariat Alam Sekitar, Kolej Sepuluh, Universiti Putra Malaysia. Sebanyak 300 pokok telah ditanam oleh para pelajar UPM. |

| Bil | Perubahan yang Telah Dibuat | Kesan | Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan) | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Telah Dilaksanakan | Sedang Dilaksanakan | |
| 4. | Melaksanakan Program Penanaman Pokok Khas yang dikenali sebagai ‘Manggo Grove’ **(Sekolah Pengajian Siswazah)** | 1. Memberi pendedahan dalam memulihara alam sekitar alam sekitar untuk generasi akan datang.<br>2. Memberi pendedahan kepada pelajar pasca siswazah UPM tentang kepentingan mempertingkatkan persekitaran hijau. | √ | | Pendedahan dalam memulihara persekitaran melalui pembukaan sebuah dusun mangga. Pelaksanaan pada 22 Mac 2014. |
| 5. | Menganjurkan Majlis Sambutan Hari Bumi 2014 **(Pejabat Naib Canselor)** | Memupuk kesedaran alam sekitar kepada orang ramai dalam pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. | √ | | a. Sambutan Hari Bumi 2014 dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan Universiti Putra Malaysia (UPM).<br>b. Diadakan pada 22 April 2014 di Dewan Banquet, Universiti Putra Malaysia dengan tema 'Bandar Hijau’. |

| Bil | Perubahan yang Telah Dibuat | Kesan | Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan) | | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Telah Dilaksanakan | Sedang Dilaksanakan | |
| 6. | Menjalankan Kempen Kesedaran Penjimatan Elektrik **(Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)** | Menjimatkan penggunaan tenaga elektrik. | √ | | Kempen secara berterusan mulai 15 Julai 2013 |
| 7. | Menjalankan Kempen Kesedaran Penjimatan Kertas **(Pejabat Bursar)** | Menjimatkan penggunaan kertas dengan mengambil kira konsep 3R–*Reduce*, *Reuse* and *Recycle.* | √ | | Kempen secara berterusan mulai 15 Julai 2013 |